

S1: Apakah itu Kempen *Customer Get Customer*?

Kempen *Customer Get Customer* ialah satu kempen rujukan yang memberi ganjaran kepada pelanggan Kaotim MediKad dan Kaotim Legasi apabila mereka merujuk pihak lain untuk menyertai melalui pautan rujukan unik masing-masing.

S2: Siapakah yang layak menyertai kempen ini?

Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan warganegara Malaysia yang baharu dan sedia ada bagi Kaotim MediKad dan/atau Kaotim Legasi yang menerima pautan rujukan unik melalui alamat e-mel berdaftar mereka dengan kami dalam tempoh kempen.

S3: Berapa lamakah tempoh kempen ini?

Kempen ini akan berlangsung dari 4 Mei 2026 (12:00 tengah malam) sehingga 30 Jun 2026 (11:59 malam).

S4: Bagaimanakah kempen ini berfungsi?

Pelanggan Kaotim MediKad dan/atau Kaotim Legasi yang baharu dan sedia ada akan menerima e-mel yang mengandungi pautan rujukan unik untuk kedua-dua produk. Mereka boleh berkongsi pautan ini dengan sesiapa sahaja yang berminat untuk menyertai. Apabila pelanggan yang dirujuk mendaftar Kaotim MediKad atau Kaotim Legasi melalui pautan rujukan unik tersebut dan sijil mereka kekal berkuat kuasa selama sekurang-kurangnya 15 hari, pelanggan yang merujuk akan menerima ganjaran.

S5: Apakah ganjaran untuk kempen ini?

Anda akan menerima PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet bernilai RM40 bagi setiap rujukan yang berjaya, dan 1 ganjaran tambahan bagi setiap 5 rujukan berjaya yang dicapai, selagi setiap sijil memenuhi terma dan syarat kempen.

S6: Apakah yang berlaku apabila seseorang menggunakan pautan rujukan unik saya?

Apabila individu yang anda rujuk mendaftar Kaotim MediKad atau Kaotim Legasi menggunakan pautan rujukan unik anda dan sijilnya kekal aktif selama sekurang-kurangnya 15 hari, anda akan layak untuk menerima ganjaran.

S7: Bagaimanakah saya akan menerima ganjaran saya?

Ganjaran akan dihantar ke alamat e-mel berdaftar anda dalam bentuk PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet dalam tempoh 2 minggu selepas tamat tempoh 15 hari tersebut.

S8: Bagaimanakah cara untuk menebus PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet saya?

Langkah 1: Muat turun aplikasi Touch 'n Go eWallet melalui App Store, Google Play Store, HUAWEI AppGallery atau Samsung Galaxy Store.

Langkah 2: Salin PIN Tambah Nilai.

Langkah 3: Buka aplikasi Touch 'n Go eWallet dan tekan '+ Tambah Nilai'.

Langkah 4: Di bawah 'Baki eWallet', pilih 'PIN tambah Nilai'.

Langkah 5: Tampal PIN 10-digit anda dan tekan 'Teruskan'.

Langkah 6: Tekan 'Tambah Nilai sekarang' dan RM40 akan dikreditkan ke baki eWallet anda.

S9: Apakah yang berlaku sekiranya ganjaran saya tamat tempoh sebelum ditebus?

Takaful Malaysia tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang ganjaran yang telah tamat tempoh atau tidak digunakan. Sila tebus PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet anda sebaik sahaja menerimanya.

S10: Bolehkah saya berkongsi pautan rujukan unik saya dengan lebih daripada seorang?

Ya, anda boleh berkongsi pautan rujukan unik anda dengan beberapa individu sepanjang tempoh kempen. Anda layak menerima ganjaran bagi setiap rujukan yang berjaya, dengan syarat sijil pelanggan yang dirujuk tersebut kekal berkuat kuasa selama sekurang-kurangnya 15 hari. Tambahan pula, anda akan menerima 1 ganjaran tambahan bagi setiap 5 rujukan berjaya yang dicapai.

S11: Adakah saya layak menyertai kempen ini sekiranya saya tidak menyertai Kaotim MediKad dan/atau Kaotim Legasi?

Tidak, anda mesti terlebih dahulu menyertai Kaotim MediKad dan/atau Kaotim Legasi untuk layak menyertai kempen ini.

S12: Siapakah yang perlu saya hubungi sekiranya terdapat isu berkaitan PIN Tambah Nilai eWallet?

Bagi sebarang isu berkaitan PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet, sila hubungi Perkhidmatan Pelanggan Kaotim melalui e-mel hello@kaotim.my.

S13: Apakah yang perlu saya lakukan jika saya tidak menerima e-mel mengenai ganjaran saya?

Sila hubungi Perkhidmatan Pelanggan Kaotim melalui e-mel hello@kaotim.my sekiranya anda tidak menerima ganjaran anda.

S14: Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut tentang kempen?

Untuk maklumat lanjut, anda boleh:

- Kunjungi laman web Kaotim di www.kaotim.my; atau
- E-mel ke hello@kaotim.my; atau
- Hubungi Unit Khidmat Pelanggan Kaotim di 1-300 80 2525; atau
- Kunjungi [Cawangan TMCC](#) yang terdekat.

Dokumen ini telah dijana berdasarkan Versi 2.0 (Mei 2026).

Diuruskan oleh:

Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad 198401019089 (131646-K) ("Takaful Malaysia") | Tingkat 27, Blok Annex, Menara Takaful Malaysia, No. 4 Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur | Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan diselua oleh Bank Negara Malaysia.